

XETEC TABLET

Cetirizine Dihydrochloride (10mg)

XETEC ORAL SOLUTION

Cetirizine Dihydrochloride (5mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Xetec
2. Bagaimana Xetec berfungsi
3. Sebelum mengambil Xetec
4. Cara menggunakan Xetec
5. Semasa menggunakan Xetec
6. Kesan –kesan sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang and Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Xetec

Xetec digunakan untuk merawat gejala rinitis alergi seperti hidung tersumbat; hidung berair; bersin; gatal-gatal hidung dan tekak; mata gatal dan berair. Ia juga digunakan untuk merawat alahan pada kulit yang boleh menyebabkan kegatalan atau ruam.

Bagaimana Xetec Berfungsi

Cetirizine adalah antihistamin yang menghalang kesan bahan yang dipanggil histamin yang menyebabkan alahan.

Sebelum mengambil Xetec

-Bila tidak boleh menggunakan

Jika anda hipersensitif kepada cetirizine atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini.

Jika anda hamil 3 bulan atau menyusui. Cetirizine dikesan dalam susu ibu.

-Sebelum mula menggunakan

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini jika anda hamil lebih daripada 3 bulan.

-Jika menggunakan ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor anda atau ahli farmasi jika anda mengambil ubat-ubatan lain, termasuk ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi. Dinasihatkan agar mengelakkan penggunaan alkohol atau sedatif semasa mengambil ubat ini

Cara menggunakan Xetec

-Berapa banyak harus digunakan

Kanak-kanak:

3 hingga 6 tahun: 5 mg sekali sehari atau 2.5 mg dua kali sehari
6 tahun dan ke atas: 10 mg sekali sehari atau 5 mg dua kali sehari

Orang dewasa: 10 mg sekali sehari.

Jika anda mengalami masalah buah pinggang, dos hendaklah dikurangkan kepada separuh dos harian.

-Bila perlu digunakan

Ambil Xetec sekali atau dua kali sehari.

Dinasihatkan agar mengambil Xetec dengan sedikit cecair semasa makan malam kerana kebanyakan gejalanya berlaku pada waktu malam.

-Berapa lama perlu diambil

Ambil Xetec mengikut tempoh yang disyorkan oleh doktor anda.

-Jika anda terlupa mengambil

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika menggunakan secara berlebihan (terlebih dos)

Jika anda atau sesiapa sahaja mengambil terlalu banyak Xetec secara tidak sengaja, segera pergi ke hospital terdekat kerana rawatan perubatan mungkin diperlukan. Mengantuk ialah gejala dos berlebihan.

Semasa menggunakan Xetec

-Perkara yang perlu dilakukan

Ikut nasihat doktor atau ahli farmasi

-Perkara yang tidak perlu dilakukan

Jangan hentikan penggunaan ubat tanpa nasihat doktor.

Jangan berikan ubat berkenaan kepada orang lain yang mengalami masalah sama dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Xetec boleh menyebabkan rasa mengantuk. Berhati-hati:

- Jika anda melakukan perkara yang memerlukan tumpuan penuh
- Jika anda memandu dan mengendalikan jentera

Kesan-kesan Sampingan

Seperti semua ubat, Xetec boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mendapatnya. Sakit kepala, pening, mengantuk, gelisah, mulut kering dan ketidakelesaan pada bahagian perut mungkin berlaku.

Hipersensitiviti juga dilaporkan tetapi jarang.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara Penyimpanan dan Pelupusan

-Penyimpanan

Simpan ubat pada suhu kurang daripada 30°C dalam bekas yang ditutup rapat. Jauhkan daripada cahaya dan kelembapan serta jauhkan daripada capaian kanak-kanak.

XETEC TABLET

Cetirizine Dihydrochloride (10mg)

XETEC ORAL SOLUTION

Cetirizine Dihydrochloride (5mg/5ml)

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

-Rupa dan warna produk

Tablet:
Tablet bersalut berwarna putih atau keputihan,berbentuk bujur dengan garis putus pada satu permukaan.

Larutan Oral;
Sirap jernih yang tidak berwarna atau sedikit kekuningan dengan perisa buah-buahan

-Bahan-bahan Kandungan

Bahan aktif:
Cetirizine Dihydrochloride

Untuk Tablet:

Bahan tidak aktif ialah purified talc,povidone K30,lactose,microcrystalline cellulose,sodium starch glycolate,corn starch,titanium dioxide,hydroxylpropyl methylcellulose,polyethylene glycol dan magnesium stearate.

Untuk Larutan Oral:

Bahan tidak aktif ialah propylene glycol,sodium acetate,sucrose,perisa peach , demineralize water,methyl paraben,propyl paraben,glycerin dan glacial acetic acid.

-Nombor MAL:

Tablet:
MAL20040625AZ

Larutan Oral:
MAL20040626AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran

Produk
SM Pharmaceuticals Sdn.Bhd.(218620-M)
Lot 88,Sungai Petani Industrial Estate
08000,Sungai Petani
Kedah Darul Aman,Malaysia

Tarikh Kemaskini RiMUP:

05/04/2024

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)070224/00015